



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**5 Jun 2023  
16 Zulkaedah 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pendaratan ikan di Terengganu dijangka meningkat tahun ini</li><li>• Sotong dijual murah di musim mencandat</li><li>• Consortium bantu, bela Nasib penternak ikan sangkar</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>• Johor jadi pengeluar utama ketam nipah</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• Harga sotong murah di Terengganu</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		34	5/6/2023

## Pendaratan ikan di Terengganu dijangka meningkat tahun ini

**KUALA TERENGGANU:** Pendaratan ikan di negeri ini diyakini mampu mencapai sasaran 50,723.37 tan metrik pada tahun ini berikutan pelbagai inisiatif penambahbaikan dilakukan kerajaan negeri bersama jabatan dan agensi kerajaan berkaitan.

Jumlah itu meningkat hampir 40 peratus berbanding 33,500.25 tan metrik ikan yang didaratkan sepanjang tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr. Azman Ibrahim berkata, pihaknya yakin mencapai sasaran itu berikutan beberapa langkah dan strategi dilaksanakan selama ini.

Menurutnya, sebagai contoh, sebanyak 26 program melabuhkan tukun dilakukan sepanjang tahun lalu yang terbukti meningkatkan tangkapan ikan dalam kalangan nelayan sepanjang tempoh itu.

Katanya, pada tahun ini, pihaknya merancang melaksanakan 48 program iaitu hampir sekali ganda berbanding tahun lalu.

"Inisiatif ini berjaya meningkatkan populasi sumber makanan ikan di laut malah hasil kajian Institut Sumber Marin Asia Tenggara dan Pusat Pembangunan Perikanan Asia Tenggara menunjukkan lokasi tukun dilabuhkan itu memberi impak positif kepada biodiversiti ikan.

"Ia berjaya mengurangkan aktiviti pencerobohan nelayan pukat tunda di kawasan zon tangkapan nelayan tradisional," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Jelasnya, ketika ini terdapat 8,531 nelayan serta 2,707 bot dan vesel di seluruh negeri.

Daripada jumlah itu katanya, 5,458 nelayan adalah nelayan tradisional yang menggunakan sampan dan enjin dalam yang beroperasi di laut pantai Zon A manakala 1,103 adalah nelayan Zon B; 1,270 nelayan Zon C dan 700 nelayan laut dalam (Zon C2).

Ditanya mengenai trend kebanyakan nelayan dilihat lebih selesa mendaratkan ikan di negeri lain, Azman berkata, ia disebabkan kemudahan disediakan di pelabuhan-pelabuhan tersebut lebih sistematik.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			34	5/6/2023



PELANGGAN memilih sotong yang dijual di kedai Sauffian Sauji di Durian Burung, Kuala Terengganu. - UTUSAN/KAMALIZA KAMARUDDIN

## Sotong dijual murah di musim mencandat

**KUALA TERENGGANU:** Musim mencandat sotong di perairan Terengganu sejak bulan lalu mendorong seorang peniaga menjual sotong pada harga 30 peratus lebih murah berbanding harga pasaran.

Sauffian Sauji, 36, berkata, dia menjual sotong segar sebanyak 309 hingga 400 kilogram (kg) setiap hari di kedainya yang terletak di Durian Burung dekat sini.

Katanya, jumlah sotong yang dijual akan meningkat kepada 600 hingga 700kg pada hujung minggu dan cuti umum.

"Harga sotong yang dijual sentiasa berubah-ubah mengikut harga modal yang dikeluar-

kan namun memberi jaminan ia antara yang termurah di pusat bandar ini.

"Kita jual pelbagai jenis gred. Paling murah sotong halus hanya RM5 sekilogram dan sotong bulat pula RM7 sekilogram. Ini memang sentiasa jadi rebutan pelanggan kerana harganya terlalu murah.

"Ada juga sotong gred A iatu saiz paling besar dijual dalam RM32 atau RM33 sekilogram," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Selain kedai di Durian Burung, Sauffian turut memiliki satu lagi kedai di Kampung Tualang dekat Manir yang turut menjual pelba-

gai barangan keperluan dengan harga yang murah.

Selain sotong, pelbagai hasil laut turut dijual di kedainya seperti ikan kerisi dijual pada harga RM15 sekilogram, siakap (RM19), cencaru (RM12), selayang A (RM14), selayang S (RM12), lolong (RM14), selar gred A (RM16), selar gred B (RM14) dan ikan kunyit remong (RM6).

"Walaupun tak mengaut untung lumayan, kami berpuas hati dapat melihat senyuman gembira daripada pelanggan kerana berpeluang menikmati hasil laut yang segar pada harga yang berpatutan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			8	5/6/2023

## Johor jadi pengeluar utama ketam nipah

**Ipoh:** Pengeluaran ketam di negara ini daripada perikanan tangkapan dan akuakultur sebanyak 16,074.14 tan metrik tahun lalu dengan 15,740 tan menerusi hasil tangkapan kata Ketua Pengarah Perikanan Datuk Adnan Hussain.

Beliau berkata, bagi tangkapan, pendaratan ketam ialah dari jenis ketam nipah, ketam laut, ketam renjung dan ketam batu, dengan menggunakan peralatan seperti pukot hanyut, pukot tunda, pukot rentang dan bubu atau bintoh ketam.

"Pengeluaran ketam akuakultur sebanyak 334.14 tan metrik membolehkan ketam nipah dalam bentuk kulit lembut dan kulit keras. Ketam nipah yang ditanam itu daripada spesies *scylla olivacea*, *scylla paramamosain*, *scylla tranquebarica* dan

*scylla serrata*," katanya.

Terdahulu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Lokman Hakim Ali melawat Projek Ternakan Ketam Nipah di Bagah Datuk dan Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar di Bota.

Adnan berkata, Johor menjadi pengeluar utama ketam nipah (akuakultur) tertinggi tahun lalu dengan 187.46 tan metrik, diikuti Sabah (122.60 tan metrik); Perak (13.60 tan metrik); Sarawak (4.76 tan metrik); Kedah (3.89 tan metrik); Selangor (0.64 tan metrik) dan Terengganu (1.19 tan metrik).

Dalam pada itu, Adnan berkata, spesies utama pengeluaran akuakultur air tawar ialah tilapia merah, keli dan patin dengan ikan tilapia merah menyumbang sebanyak 25,064.65 tan.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			37	5/6/2023

TERENGGANU **NEGERI**

# Harga sotong murah di Terengganu

Musim sotong yang bermula sejak Mei membuatkan ia dijual pada harga lebih rendah

Oleh NORHASPIDA YATIM  
KUALA TERENGGANU

Musim sotong yang telah bermula di Terengganu sejak Mei lalu kini semakin meriah sekali gus membolehkan hidupan marin yang menjadi kegemaran ramai itu dijual pada harga lebih rendah. Seorang peniaga, Sauffian Sauii, 36, berkata, sebanyak 300 hingga 400 kilogram (kg) sotong dijual di kedainya dan jumlah itu akan meningkat kepada 600 hingga 700 kg pada hujung minggu dan cuti umum.

"Kita ada jual pelbagai gred sotong. Paling murah pernah kita jual sebelum ini ialah sotong ha-

lus iaitu pada harga RM5 untuk sebekas (1kg) dan sotong bulat (RM7).

"Sotong jenis ini memang sentiasa jadi rebutan pelanggan kerana harganya yang murah, tetapi sekarang ini jumlah tangkapan sotong saiz itu agak berkurangan.

"Kebanyakan tangkapan nelayan untuk minggu ini ialah sotong gred A, B dan C. Pada Ahad, kita ada jual sotong gred A iaitu saiz besar di mana harganya antara RM32 hingga RM33 sekilogram," katanya ketika ditemui di premisnya di Durian Burung, di sini.

Menurut Sauffian, harga sotong yang dijual tidak menentu kerana ia berdasarkan harga modal yang telah dikeluarkan serta bergantung kepada saiz dan kualiti sotong.

Bagaimanapun, katanya, sotong yang dijual di premisnya adalah antara yang termurah iaitu 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran di sekitar pusat bandar di sini.

"Sotong yang dijual adalah



Orang ramai mengunjungi premis milik Sauffian di Durian Burung, Kuala Terengganu untuk mendapatkan sotong yang dijual harga murah ketika ini.

sotong segar kerana ia dibawa terus dari laut kepada pelanggan dan kita jual pada harga lebih rendah kerana mahu semua dapat sama-sama menikmati hidangan berasaskan sotong," katanya yang turut menjual pelbagai hasil laut lain.

Selain kedai yang beroperasi di Kampung Durian Burung, Sauffian turut memiliki sebuah

lagi kedai di Kampung Tualang dekat Manir, di sini yang diusahakan sejak dua tahun lalu.

Sementara itu, pengurus operasi kedai, Syed Ahmad Aizuddin Tuan Nek, 33 berkata, terdapat lapan pekerja di kedua-dua lokasi perniagaan itu dan jumlahnya bertambah kepada 12 pekerja pada hujung minggu.

"Biasanya kalau hujung

minggu sambutan pelanggan lebih meriah sebab itu kita akan tambah bilangan pekerja kerana tidak menyang tangan melayan pelanggan yang datang.

"Keanyakan daripada mereka dapat tahu mengenai sotong yang dijual pada harga murah ini melalui perkongsian di laman Facebook dan juga kumpulan WhatsApp," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			39	5/8/2023

# Konsortium bantu, bela nasib penternak ikan sangkar

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD  
utusannews@mediamula.com.my

**LIPIS:** Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) mencadangkan lebih 1,200 penternak ikan sangkar di negeri ini bergabung di bawah Konsortium Ikan Pahang bagi membela nasib mereka.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, setakat ini kira-kira 900 penternak menyertai konsortium itu dan selebihnya bergerak 'solo' sekali gus berdepan masalah seperti kekurangan benih ikan.

Menurutnya, Angkasa sehingga kini sudah menyalurkan RM500,000 kepada konsortium itu sebagai bantuan bekalan benih ikan terutama patin dan tilapia.

"Penternak yang menyertai konsortium ini sebenarnya tiada masalah mendapat bekalan benih ikan kecuali penternak 'solo' yang bergerak secara bersendirian.

"Namun begitu, pihak konsortium turut mengakui masalah di luar jangka seperti pemanasan global dan Sungai Pahang semakin cetek mempengaruhi pembesaran dan upaya hidup ikan," katanya di sini semalam bagi menjawab isu kekurangan benih



**SEORANG** penternak di Temerloh, Pahang gusar memikirkan pengualaran ikan sangkar miliknya yang semakin berkurangan kerana risiko ikan mati semakin meningkat. - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

patin di negeri ini.

Baru-baru ini, dilaporkan bahawa bekalan ikan patin sangkar di daerah Jerantut dan Temerloh bukan sahaja semakin kritikal malah dijangka hanya mampu bertahan dalam tempoh beberapa bulan lagi ekoran kekurangan benih ikan.

Abdul Fattah berkata, antara isu yang mendapat perhatian ke-

tika ini adalah masalah kekurangan ikan patin hingga mengakibatkan ramai peniaga terpaksa mencari alternatif untuk menggantikan ikan sungai itu.

Menurutnya, beliau difahamkan isu membabitkan bekalan ikan patin ini bukan berpunca daripada kekurangan benih ikan itu, tetapi lebih kepada isu sungai yang semakin cetek.

"Jadi, apabila sungai cetek, susahlah pengusaha atau penternak untuk menghasilkan bekalan ikan mencukupi kepada peniaga.

"Sebab itulah saya cadangkan setiap penternak perlu menganggotai Konsortium Penternak Ikan Pahang boleh mewakili semua penternak, bukan hanya penternak ikan patin, ikan kerai dan ikan lain pun terjejas juga," katanya.